

Ucapan Aluan

**Yang Berbahagia
Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid
Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia**

Majlis Pelancaran Hari QLASSIC 2017

**Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
21 Ogos 2017**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah kerana dengan izinnya kita semua dapat berada di dalam majlis ini bagi meraikan QLASSIC Day. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita untuk memberi kata-kata amanat dan seterusnya melancarkan majlis pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Menteri adalah amat bermakna kepada CIDB dan juga keseluruhan warga industri pembinaan sebagai peniup semangat dalam kami mempertingkatkan usaha membudayakan kualiti di dalam industri pembinaan.

2. Ribuan penghargaan juga diucapkan kepada semua agensi-agensi kerajaan dan swasta yang memberi sokongan dan sambutan yang sangat menggalakkan setiap tahun Majlis pengiktirafan QLASSIC ini diadakan sejak 2014.

3. Para hadirin sekalian, kita semua sedia maklum bahawa QLASSIC merupakan Sistem Penilaian Kualiti Pembinaan untuk projek-projek bangunan berdasarkan Construction Industry Standard (CIS 7).

Standard ini dibangunkan sebagai satu tanda aras kualiti hasil kerja dalam pembinaan bangunan. QLASSIC memudahkan kualiti sesuatu projek itu di kawal dan ia juga boleh digunakan sebagai kriteria pematuhan kualiti bagi mengukur prestasi kontraktor.

4. Untuk pengetahuan semua, penilaian QLASSIC dilakukan melalui pemeriksaan segenap ruang dalam dan luar projek bangunan yang baru siap, sebelum ia diserahkan kepada pemilik atau pembeli. Penilaian ini hanya boleh dilakukan sekali sahaja. Seandainya terdapat apa-apa penambahbaikan yang dibuat selepas penilaian di buat, ia tidak akan diambil kira. Inilah prinsip “Do it Right the First time and Everytime” yang digunakan di dalam penilaian QLASSIC. Kami percaya kualiti hasil kerja yang terbaik akan mengurangkan “repair works” yang memakan masa dan kos.

5. Saya percaya, semakin ramai penggiat industri sudah mula memegang kepada prinsip “Do it Right the First time” ini kerana jumlah projek yang mendapat skor QLASSIC 80% dan keatas terus meningkat. Pada tahun 2014, hanya 24 projek yang berjaya mendapat skor QLASSIC melebihi 80% dan pada 2015, jumlah ini telah meningkat hampir 100% kepada 46 projek. Pada tahun 2016, jumlah projek yang mendapat skor QLASSIC yang melebihi 80% ke atas adalah 43 projek.

6. Di samping itu, kita juga dapat melihat purata QLASSIC skor juga telah meningkat dari 69.6% pada tahun 2014 kepada 72.5% pada tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, purata markah QLASSIC adalah 72%.

Para hadirin sekalian,

7. Pada QLASSIC Day tahun ini, CIDB akan memperkenalkan satu penambahbaikan yang saya yakin amat dialu-alukan oleh penggiat industri pembinaan. Jika pada tahun-tahun sebelum ini, hanya pemaju dan kontraktor diiktiraf dengan trofi QLASSIC, bermula tahun ini, kami akan memanggil Arkitek yang terlibat dengan setiap projek ini untuk sama-sama menerima trofi di pentas. Pengiktirafan ini sesuai dengan peranan penting sebuah firma arkitek itu dalam menghasilkan rekaan yg memudahkan sesuatu projek itu dapat dibina dengan kualiti yang tinggi.

8. Saya berharap agar lebih ramai lagi penggiat industri yang mengutamakan mutu kerja yang berkualiti tinggi dan menggunakan QLASSIC bagi menilai hasil kerja mereka. Usaha promosi juga sedang giat dijalankan, supaya QLASSIC dilihat sebagai proksi kualiti di dalam pembinaan bangunan.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, kerana sudi meluangkan masa untuk meraikan pencapaian QLASSIC oleh para penggiat industri dan seterusnya merasmikan sambutan Hari QLASSIC 2017.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kesemua penerima pengiktirafan QLASSIC. Semoga pengiktirafan yang diterima hari ini akan memacu lebih banyak kejayaan kearah mewujudkan industri pembinaan yang lebih mampan dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.